

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN MERDEKA EKSPLO "SHOWCASING 50 YEARS OF**  
**ACHIEVEMENTS"**  
**DI PWTC, KUALA LUMPUR**  
**30 AUGUST 2007**

-----  
(DIBACA OLEH YAB DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN HAJI ABD. RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI)

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

DIF-DIF KEHORMAT,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PARA HADIRIN SEKELIAN,

1. ALHAMDULLILAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA, KITA SEMUA DAPAT HADIR DI MAJLIS PELANCARAN MERDEKA EKSPLO BERTEMAKAN "SHOWCASING 50 YEARS OF ACHIEVEMENTS" PADA PAGI INI, IAITU SEHARI SEBELUM NEGARA MENYAMBUK SAMBUTAN JUBLI EMAS.

2. PENGANJURAN EKSPLO INI ADALAH TEPAT PADA WAKTUNYA. EKSPLO YANG KITA KUNJUNGI INI MEMBERI KITA PELUANG UNTUK MENGENANG KEMBALI SEJARAH NEGARA. SEMESTINYA, DALAM KITA MERENUNG BAHAN-BAHAN SERTA GAMBAR-GAMBAR SILAM YANG DIPAMERKAN DI EKSPLO INI, KITA JUGA MESTI MENGAMBIL IKTIBAR DARI PENGORBANAN DAN PAHIT MAUNG YANG TELAH DILALUI OLEH NENEK MOYANG KITA SEBELUM INI JANGANLAH DISIA-SIAKAN.

3. DALAM KITA ASYIK MENIKMATI KEJAYAAN NEGARA INI, ADAKALANYA KITA LEKA DAN TERLUPA TENTANG CABARAN-CABARAN YANG TERPAKSA DIDEPANI OLEH RAKYAT MALAYSIA PADA MASA DULU. MUNGKIN AMAT SUKAR SEKALI UNTUK MEMBAYANGKAN BAHAWA PADA SATU MASA DULU, ADA DI ANTARA KITA YANG TERPAKSA BERKAKI AYAM KE SEKOLAH, BELAJAR DI KELAS BERATAP RUMBIA DAN BERCAHAYAKAN API LILIN KETIKA MENGULANGKAJI DI RUMAH. ANAK-ANAK MALAYSIA MASAKINI, RAMAI DI ANTARA MERKA YANG TIDAK BOLEH HIDUP TANPA KOMPUTER, TANPA INTERNET, TANPA TELEVISION, TANDA TELEFON BIMBIT DAN PELBAGAI LAGI PERALATAN CANGGIH YANG TIDAK MURAH HARGANYA.

4. OLEH ITU, MARILAH KITA MEMANJANGKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. ATAS SEGALA RAHMAT YANG TELAH DIKURNIAKAN. KITA BERSYUKUR KERANA NEGARA SENTIASA DILINDUNGI DARI BENCANA ALAM ATAU MALAPETAKA BESAR YANG BOLEH MENGORBANKAN RATUSAN NYAWA. KITA BERSYUKUR KERANA TELAH DIPIMPIN OLEH RAMAI TOKOH BERWAWASAN JAUH YANG TELAH BERJAYA MEMBAWA KEMAKMURAN BERTERUSAN KEPADA NEGARA. KITA JUGA BERSYUKUR KERANA MASYARAKAT MALAYSIA PELBAGAI BANGSA DAN AGAMA HIDUP BERMUFAKAT, SEHATI SEJIWA DAN BERBANGGA MENJADI RAKYAT MALAYSIA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

5. SEBAHAGIAN DARI KITA ADALAH BERKETURUNAN DARI KAUM YANG PERNAH MERANTAU DARI NEGARA LAIN KERANA PELBAGAI SEBAB. ADA YANG KE SINI SEBAGAI PEDAGANG DAN ADA PULA YANG DATANG KERANA DIBAWA MENJADI BURUH PENJAJAH. APA YANG BERLAKU PADA MASA DAHULU ADALAH SEBAHAGIAN DARI SEJARAH UNIK NEGARA INI, YANG MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA YANG KITA KENALI KINI.

6. NENEK MOYANG KITA TELAH DAPAT MENJANGKA MASA DEPAN CERAH YANG DIJANJIKAN OLEH NEGARA BERTUAH INI SEHINGGA MEREKA BERASA TERPANGGIL UNTUK MENETAP DI NEGARA INI. MUNGKIN SUKAR DIPERCAYAI BAHAWA SATU MASA DAHULU, RAKYAT MALAYSIA HIDUP DI BAWAH TELUNJUK PENJAJAH. KETIKA NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, WARGA MALAYA HANYA BERJUMLAH LEBIH KURANG 5 JUTA. PERUNTUKAN KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYA PERTAMA BAGI TEMPOH 1956 - 1960 HANYALAH RM110 JUTA, BERBANDING DENGAN RM220 BILION MASA KINI.

7. NAMUN YANG PASTI, DARI SEBUAH NEGARA BARU, MENTAH DAN TIDAK BERPENGALAMAN, MALAYSIA KINI MAMPU BERSAING DENGAN GERGASI DUNIA. ALHAMDULLILAH, SAYA NAMPAK, SEGALA TITIK PELUH NENEK MOYANG KITA, SEGALA PENGORBANAN YANG TELAH MEREKA LAKUKAN, KINI MEMBUAHKAN HASIL. CONTOHNYA, FELDA — AGENSI YANG DITUBUHKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYA PERTAMA, KINI MENJADI SEBUAH SYARIKAT YANG AMAT DISEGANI. SAYA BERBANGGA DENGAN INISIATIF FELDA UNTUK MEMBANGUNKAN DIRI DENGAN MEMBELI SEBUAH SYARIKAT ASING PENGELUAR BIODIESEL UNTUK MEMBUKA JALAN MEMASUKI KE PASARAN OLEO-KIMIA AMERIKA SYARIKAT. INILAH SATU CONTOH BAGAIMANA RAKYAT MENGGUNAKAN SUMBER YANG SEDIA ADA DAN DENGAN ILMU DAN KEUPAYAAN YANG ADA MENGUSAHAKAN UNTUK MENGHASILKAN NILAI TAMBAH YANG LEBIH TINGGI. INILAH YANG MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN NEGARA YANG MERDEKA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN:

8. KEMERDEKAAN NEGARA TELAH BERJAYA DIPERJUANGKAN TANPA PERTUMPAHAN DARAH. LEBIH PENTING LAGI, KEMERDEKAAN NEGARA LIMA PULUH TAHUN YANG LALU TELAH DIPEROLEHI HASIL DARI TUNTUTAN BERSAMA RAKYAT PELBAGAI KAUM YANG TELAH MENUNJUKKAN SEMANGAT PERPADUAN YANG BEGITU TINGGI SEKALI.

9. NYATA SEKALI, KEJAYAAN NEGARA DARI DAHULU LAGI ADALAH DIBINA ATAS USAHA BERSAMA RAKYATNYA. SEMESTINYA, KITA MESTI BERIKRAR UNTUK BERPEGANG KEPADA SEMANGAT INI. KITA MESTI TERUS BERSATU TANPA MEMBERI PENEKANAN KEPADA IDENTITI WARGA ATAU AMALAN EKSTREMISME AGAMA. KITA JUGA MESTI MENGHALANG KETIDAKADILAN SEHINGGA BOLEH MENCETUSKAN KERAGUAN DAN KEBIMBANGAN TERHADAP JAMINAN MASA HADAPAN MANA-MANA WARGA.

10. MELANGKAH KE HADAPAN, ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR NEGARA KITA AKAN MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MEMBANGUN DENGAN PESATNYA. SAMA PENTINGNYA, MALAYSIA MESTI MEMILIKI WARGA YANG BUKAN SAHAJA KAYA DENGAN PENGETAHUAN DAN BERDAYA SAING TINGGI, TETAPI BERKEPERIBADIAN LUHUR DAN BERNILAI MULIA.

11. SAYA PERCAYA, WARGA MALAYSIA KINI DAN DI MASA AKAN DATANG, AKAN MEMASTIKAN MALAYSIA KEKAL AMAN DAN STABIL, SALING MEMAHAMI DAN SALING MENGHORMATI DALAM ADUKAN WARGA PELBAGAI BUDAYA. SAYA JUGA MAHUKAN KITA SEMUA UNTUK TERUS BERPEGANG KEPADA KONSEP KEADILAN DAN KESAKSAMAAN DAN SETERUSNYA, MENINGKATKAN USAHA MENGHAPUSKAN KEMISKINAN AGAR KEMAKMURAN DAPAT DINIKMATI BERSAMA. OLEH ITU, MARILAH KITA TERUS BERSAMA-SAMA MEMBINA MALAYSIA DENGAN BERPANDUKAN KEPADA SEMANGAT DAN PRINSIP YANG TERMAKTUB DALAM RUKUN NEGARA DAN PERLEMBAGAAN.

12. AMAT WAJAR DALAM KITA MENYAMBUT SUASANA GEMBIRA 50 TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA, KITA MEMBERIKAN PERAKUAN BAHAWA KITA TIDAK AKAN MEMPERSIA-SIAKAN SEGALA PENGORBANAN YANG TELAH DILAKUKAN OLEH PEJUANG KEMERDEKAAN NEGARA. MARILAH KITA BERUSAHA UNTUK MENJANJIKAN SATU MASA DEPAN YANG CERAH UNTUK ANAK-ANAK KITA.

13. AKHIR SEKALI, DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN-NIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN EKSPLO 50 TAHUN KEMERDEKAAN MALAYSIA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.